

DISEKAT SEHINGGA 14:00  
RABU 26 MAC 2014



**6TH IFSB PUBLIC LECTURE ON FINANCIAL POLICY AND STABILITY**

**THE EMPIRE HOTEL AND COUNTRY CLUB  
24 JAMADILAWAL 1435 BERSAMAAN DENGAN 26 MAC 2014**

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah menjadi tuan rumah bagi Ceramah Awam *Islamic Financial Services Board* (IFSB) yang ke-6 mengenai dengan Dasar dan Kestabilan Kewangan pada hari ini, 24 Jamadilawal 1435 bersamaan dengan 26 Mac 2014 bertempat di The Empire Hotel and Country Club, Jerudong, Negara Brunei Darussalam.
2. Yang Mulia Hajah Lily binti Haji Kula, Timbalan Pengarah Urusan (Regulatori) dalam ucapan alu-aluannya berharap ceramah awam ini memberikan landasan bagi memperkembangkan ilmu dan bertukar-tukar pendapat mengenai dasar-dasar kewangan dan isu-isu kestabilan kewangan. Disamping itu, ianya juga akan memberi peluang untuk melihat secara dekat dinamik dan prinsip-prinsip kewangan Islam yang telah memberikan kedaya tahanan dalam menghadapi sebarang ketidakstabilan kewangan.
3. Ceramah Awam IFSB mengenai dengan Dasar dan Kestabilan Kewangan adalah acara yang dianjurkan seiring dengan Mesyuarat-Mesyuarat Tahunan IFSB. Ceramah pada tahun ini telah dihadiri oleh lebih kurang 100 orang yang terdiri daripada peserta-peserta tempatan dan luar negara, daripada bank-bank pusat, agensi-agensi pengawalselian, institusi-institusi kewangan, firma-firma profesional dan juga institusi-institusi pengajian tinggi.
4. Topik ceramah “Ekonomi Moral Islam Dan Perkembangan Industri Perkhidmatan Kewangan Islam Yang Dinamik” yang telah disampaikan oleh Professor Dr Mehmet Asutay, *Director of Durham Doctoral Training Centre in Islamic Finance*, Durham University, United Kingdom, adalah amat relevan dengan keadaan landskap kewangan pada masa ini.

5. *Islamic Financial Services Board* (IFSB) berpejabat di Kuala Lumpur, Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 2002. IFSB adalah badan penetapan piawaian antarabangsa bagi agensi-agensi pengawalseliaan yang mempunyai kepentingan dalam memastikan kekukuhan dan kestabilan industri perkhidmatan kewangan Islam, yang mana termasuk perbankan, pasaran modal dan insurans. Pada 31 Disember 2013, IFSB mempunyai seramai 185 ahli, terdiri daripada 58 buah agensi-agensi pengawalseliaan, 8 buah organisasi *inter-governmental* antarabangsa, 112 buah institusi-institusi kewangan dan firma-firma profesional dan juga organisasi pengawalseliaan sendiri (*self-regulatory organisations*) yang beroperasi dalam 45 buah yuridiksi.

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

**Tarikh : 24 Jamadilawal 1435 / 26 Mac 2014**

**Rujukan : AMBD/IFSB/2014**